

**MALAYSIA MADANI DALAM ERA PASCANORMAL:
ANALISIS SEJARAH DAN CABARAN SEMASA**
*(Malaysia Madani in the Postnormal Era: Historical Analysis and Current
Challenges)*

IBRAHIM MAJDI MOHAMAD KAMIL*

Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang,
Malaysia

ABSTRAK

Pelaksanaan konsep Malaysia Madani oleh kerajaan hari ini merupakan inspirasi awal daripada idea Masyarakat Madani yang diperkenalkan oleh Dato' Seri Anwar Ibrahim pada tahun 90-an. Namun begitu, Malaysia Madani masa kini telah melalui proses reformasi yang menggabungkan amalan sedia ada dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu dan ketidaktentuan semasa. Langkah ini diambil bagi memastikan konsep Malaysia Madani terus relevan dan dapat dilaksanakan pada masa kini. Pada masa ini, Perdana Menteri dalam ucapannya banyak menekankan cabaran dunia pascanormal. Pascanormal merupakan konsep yang agak baharu khususnya di Malaysia. Kajian ini akan membincangkan konsep pascanormal, khususnya bagi masyarakat Malaysia dari aspek sejarah dan perkembangannya. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis kritis terhadap dokumen primer dan sekunder, termasuk ucapan dasar, dokumen kerajaan serta karya Ziauddin Sardar berkenaan pascanormal. Pendekatan ini membolehkan kajian mengenal pasti hubungan antara gagasan Malaysia Madani dan teori pascanormal dalam konteks cabaran semasa. Kajian ini mendapati bahawa konsep pascanormal yang digunakan telah dipopularkan oleh Ziauddin Sardar pada tahun 2010 yang menyatakan bahawa dalam era pascanormal manusia akan berdepan dengan tiga C iaitu *complexity* (kompleksiti), *chaos* (kekacauan) dan *contradictions* (kontradiksi) yang menjadi fenomena dunia, yang akhirnya membawa kepada isu ketidaktentuan, kerumitan dan kejahilan. Kajian

*Corresponding author: Ibrahim Majdi Mohamad Kamil, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang, Malaysia, email: ibrahimmajdi@usm.my
Diserahkan: 1 Disember 2024
Diterima: 15 Ogos 2025
DOI: <https://doi.org/10.17576/JH-2025-1702-02>

ini mengandaikan bahawa konsep pascanormal merupakan kesinambungan daripada perkembangan era pasca moden. Kajian ini juga mendapati bahawa konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan memberi tumpuan kepada menghadapi era pascanormal dengan menekankan pelaksanaan perubahan secara holistik daripada aspek sosial, ekonomi, politik, pentadbiran dan perubahan iklim. Kajian ini turut mendapati bahawa salah satu cabaran terbesar untuk merealisasikan Malaysia Madani ialah menangani aspek 'kebenaran' yang akhirnya boleh mempengaruhi autoriti dalam struktur sosial Malaysia.

Kata kunci: Malaysia Madani; pascanormal; sejarah; cabaran.

ABSTRACT

The implementation of the concept of Malaysia Madani by the government today was the initial inspiration of the Masyarakat Madani idea from Dato' Seri Anwar Ibrahim in the 90s. However, today's Malaysia Madani has been reformed which combines existing practices with new methods designed to deal with new issues and uncertainties. This is to ensure that the concept of Madani Malaysia continues to be relevant and to be implemented in the present. Nowadays, the Prime Minister in his speech emphasizes a lot about the challenges of the postnormal world. Postnormal is a relatively new concept especially in Malaysia. This study adopts a conceptual approach using critical analysis of both primary and secondary documents, including official speeches, government policy papers, and Ziauddin Sardar's writings on postnormality. This methodological framework enables the study to explore the theoretical relationship between Malaysia Madani and postnormality within the context of contemporary governance challenges. This study will discuss the concept of postnormality, especially for the Malaysian society from the aspect of history and development. This study found that the post-normal concept used was popularized by Ziauddin Sardar in 2010 who stated that in the postnormal era humans will be faced with the three Cs, namely complexity, chaos, and contradictions which become a world phenomenon that ultimately leads to issues of uncertainty, complexity and ignorance. The study assumes that the postnormal concept is a continuation of the development of the postmodern era. This study found that the concept of Malaysia Madani that was introduced focused on facing the postnormal era by focusing on implementing change holistically from social, economic, political, administrative and climate change aspects. This study also found that one of the biggest challenges for Malaysia Madani to be realized is dealing with the 'truth' aspect which can ultimately affect the authority in Malaysia social structure.

Keywords: Malaysia Madani; postnormal; historical; challenges

PENGENALAN

Malaysia Madani adalah sebuah konsep baharu yang diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia Kesepuluh, Anwar Ibrahim untuk diimplementasikan dalam pentadbiran Malaysia pada masa kini. Meskipun dilihat sebagai sebuah konsep yang baharu, Malaysia Madani adalah sebuah kesinambungan dari konsep masyarakat Madani ketika Anwar Ibrahim pernah berada dalam pentadbiran kerajaan pada tahun 1990-an (Faizal Musa 2023). Walau bagaimanapun, pastinya perubahan era atau zaman memerlukan pembaharuan dalam konsep sedia ada yang menyebabkan konsep masyarakat Madani telah diperbaharui sebagai konsep Malaysia Madani. Malah, Perdana Menteri Anwar Ibrahim mengakui cabaran yang mendatang khususnya dengan era yang beliau sering menyebut sebagai ‘pascanormal’ (Anwar Ibrahim 2023). Bagi membincangkan konsep Malaysia Madani, kajian ini ingin menjelaskan sejarah perkembangannya asas Malaysia Madani iaitu konsep Masyarakat Madani.

Sejarah Perkembangan Masyarakat Madani Kepada Malaysia Madani

Konsep masyarakat ‘*Madani*’ mula diperkenalkan oleh Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim pada 26 September 1995. Disebutkan dalam ucapannya berkenaan pengaruh Islam mengenai pembangunan masyarakat yang adil dan Madani, itulah yang mencetuskan wawasannya Malaysia Madani (Faizal Musa 2023). Ia secara rasmi menjadi rangka kerja kebangsaan pada 19 Januari 2023, selepas pelantikan Anwar Ibrahim sebagai Perdana Menteri (Jaafar & Aziz 2023). Rangka kerja ini bertujuan untuk menangani cabaran masyarakat dengan menggabungkan amalan tradisional dengan penyelesaian moden dengan bantuan pendapat umum (Aznan et al.2023).

Perkataan Madani berasal dari bahasa Arab iaitu berasal dari *dana* dan kemudiannya berkembang kepada perkataan *madani* (masyarakat kota). Al-Attas (1997) mendefinisikan dengan masyarakat yang mengamalkan kehidupan beragama. Walau bagaimanapun, dalam buku ‘MADANI’, tiada penjelasan terperinci berkenaan istilah Madani dalam bahasa Arab. Dalam bahasa Inggeris, ‘MADANI’ juga diterjemahkan sebagai ‘*SCRIPT*’ yang merupakan akronim untuk nilai teras: kemapanan (*sustainability*), kesejahteraan (*care and compassion*), daya cipta (*innovation*), hormat (*respect*), keyakinan (*prosperity*) dan ihsan (*trust*). Malaysia Madani juga sebuah konsep yang mempunyai rangka kerja komprehensif merangkumi lapan domain, meliputi ekonomi dan kewangan, perundangan, institusi, pendidikan, masyarakat, budaya, bandar dan luar bandar (Anwar Ibrahim 2022).

Umum mengetahui bahawa konsep Malaysia Madani bukanlah sebuah idea baharu tetapi sebuah ideologi yang telah diperbaharui oleh konsep Masyarakat Madani yang turut dipopularkan oleh Anwar Ibrahim pada tahun 1990-an. Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa perlu dijelaskan asas masyarakat Madani itu sendiri. Madani

dari sudut literal menurut Kamus Dewan (2010) adalah maju dari segi pemikiran dan kebendaan. Juga untuk membina masyarakat yang mempunyai nilai-nilai kekeluargaan dan juga terarah kepada pembinaan masyarakat. Bagi membincangkan berkenaan asas masyarakat Madani, kajian ini akan membincangkan berkenaan masyarakat Madani yang merupakan asas bagi pembentukan konsep Malaysia Madani. Bagi membincangkan bila bermulanya idea masyarakat Madani, kajian ini mendapati bahawa konsep masyarakat Madani mula diperkenalkan pada tahun 1995.

Menurut Hamim (2000), istilah masyarakat Madani telah diucapkan oleh Anwar Ibrahim yang menjawat jawatan sebagai Timbalan Perdana Menteri Malaysia, dalam ceramahnya pada Festival Istiqlal di Jakarta, Indonesia pada tahun 1995. Menurut Mohd Faizal (2023), Masyarakat Madani secara diperkenalkan ketika Anwar Ibrahim membentangkan bajet di Parlimen pada 27 Oktober 1995. Dalam penyata rasmi Parlimen, kajian ini mendapati Anwar Ibrahim (1995) hanya menyebut sekali terma masyarakat Madani dalam ucapannya. Anwar Ibrahim menekankan selain memfokuskan kepada aspek material semata, negara Malaysia juga perlu memfokuskan mengenai nilai dalam pembangunan masyarakat. Oleh yang demikian, ucapan beliau pada tahun 1995 dilihat masih konsisten dengan rangka Malaysia Madani yang dibina dengan ditambah beberapa pembaharuan. Oleh yang demikian, kajian ini mendapati bahawa meskipun Anwar Ibrahim mula menyebut pada 26 September 1995, tetapi secara rasmi dimasukkan dalam dokumen kerajaan semasa pembentangan belanjawan pada 27 Oktober 1995.

Walau bagaimanapun, dari sudut 'Madani' itu sendiri, Anwar Ibrahim masih mengekalkan dan memfokuskan Madani sebagai sebuah sistem nilai bagi membangunkan masyarakat di Malaysia. Perbezaan hanyalah dari sudut fokus dan kerangka Madani yang dilihat lebih luas dan holistik berbanding konsep masyarakat Madani yang asal. Bagi memahami konsep 'Madani' yang ingin disampaikan oleh Perdana Menteri, kajian ini berpendapat bahawa perlunya difahami konsep asas Madani itu sendiri. Sebuah artikel yang ditulis oleh Osman Bakar menjelaskan secara khusus konsep masyarakat Madani yang dibawa oleh Anwar Ibrahim pada tahun 1995.

Menurut Osman Bakar (1997), teori masyarakat Madani bukanlah sesuatu idea yang baharu dan asing. Teori masyarakat Madani adalah sebuah teori yang pada awalnya dibincangkan oleh para ahli falsafah Islam bermula dengan Al-Farābī (870M-950M), kemudian diikuti oleh Ibn Miskawayh (936M-1030M) dan kemudiannya Ibn Khaldūn (1332M-1406M). Meskipun bersetuju bahawa masyarakat Madani boleh diistilahkan sebagai '*civil society*' dalam bahasa Inggeris, namun Osman Bakar menambah bahawa skop masyarakat Madani itu lebih luas dan holistik berbanding '*civil society*'. Beliau menekankan agama sebagai teras masyarakat Madani yang merangkumi ilmu Madani berserta ciri-cirinya merangkumi keperibadian manusia Madani, kepercayaan

dan pemikirannya, akhlak dan budi pekertinya hanya dapat dibentuk dengan jayanya dalam acuan ajaran agama.

Jika dilihat pada teori awal masyarakat Madani yang telah dijelaskan, konsep Malaysia Madani yang cuba diaplikasikan pada masa kini adalah sebuah kesinambungan dengan penambahan sesuai dengan persekitaran sosial dan dunia semasa. Malaysia Madani adalah sebuah adunan antara prinsip masyarakat Madani bersama dengan era pascanormal yang memerlukan naratif Malaysia Madani yang lebih baharu berbanding konsep Masyarakat Madani yang sedia ada. Ini bermakna Malaysia Madani adalah sebuah konsep pembaharuan dari masyarakat Madani bagi mendepani cabaran era pascanormal. Perkara ini dapat dilihat dalam kerangka dasar MADANI oleh Anwar Ibrahim (2023);

Mengambil kira segala bentuk perubahan yang telah merubah dunia; ia bercita-cita untuk mengemudi negara dalam zaman pascanormal yang serba rumit, bercanggah dan berkecamuk. Bahasa, konsep dan budaya tempatan Malaysia merupakan teras kepada kerangka ini. Penekanan diberikan terhadap sintesis, yakni menggabungkan amalan sedia ada dengan kaedah baharu yang direka untuk menangani isu-isu baharu dan ketidakpastian.

Oleh yang demikian, kajian ini juga akan memfokuskan kepada perkembangan teori pascanormal. Kajian ini berpendapat pascanormal merupakan sebagai antara faktor utama yang mempengaruhi pembaharuan dalam konsep Malaysia Madani yang sedang dilaksanakan oleh pihak kerajaan Malaysia. Kajian ini mendapati bahawa teori pascanormal mempunyai unsur-unsur pemikiran sebelumnya yang disebut sebagai pascamodenisme. Oleh yang demikian, bagi memahami dengan lebih baik ciri-ciri pascanormal, kajian ini berpendapat bahawa perlu dibincangkan berkenaan pascamodenisme yang banyak menekankan aspek-aspek relatif yang kemudiannya turut mempengaruhi teori pascanormal.

Perkembangan Pascanormal Sebagai Kesinambungan Pascamodenisme

Falsafah pascamodenisme adalah satu bentuk falsafah, teori, cara fikir yang baharu dalam masyarakat. Walau bagaimanapun, tidak ada definisi secara jelas mengenai pascamodenisme oleh kerana sifatnya yang bersifat relatif dan menolak kebenaran mutlak. Pascamodenisme juga dilihat sebagai respons terhadap modenisme yang dianggap tidak lagi relevan (Ibrahim Majdi 2024). Di barat, falsafah pascamodenisme telah mula lebih awal lagi sekitar tahun 1960-an lagi. Malah ada yang mendakwa falsafah pascamodenisme telah mula lebih awal sekitar tahun 1940-an lagi. Kajian ini akan memberikan beberapa definisi mengenai pascamodenisme berdasarkan pandangan beberapa definisi dari kajian-kajian lepas.

Pertamanya, kajian ini mengambil rujukan dari salah satu autoriti agama di Malaysia dalam mendefinisikan konsep pascamodenisme. Dalam penerbitan oleh Majlis Agama Islam Selangor (MAIS), ia memberi pandangan bahawa asal usul pascamodenisme bermula dalam dunia seni bina. Kemudian konsep ini berkembang dalam aspek sastera. Pada tahun 1970-an pula budaya pascamodenisme berkembang di dalam falsafah dan ilmu-ilmu sains sosial (MAIS 2015).

Tawfiq Yousef (2017) menjelaskan pascamodenisme percaya bahawa tiada kebenaran yang sebenarnya. Tambahan lagi, pascamodenisme menekankan cara fikir bahawa sesuatu fenomena yang berlaku tiada hubungan antara yang lepas dan yang terkini, ia berpecah-pecah. Antara perbezaan antara modenisme dan pascamodenisme antaranya seperti modenisme dilihat percaya dengan pemikiran yang rasional berbanding pascamodenisme yang melihat bahawa pemikiran adalah tidak rasional. Kewujudan pascamodenisme juga sebagai reaksi terhadap modenisme yang dilihat kurang mencapai apa yang telah dijanjikan.

Menurut Zakaria Stapa (2014), definisi pascamodenisme adalah sesuatu yang kompleks. Ini kerana menurut beliau pascamodenisme ini boleh berubah-ubah mengikut keadaan, sukar di definisi dan hakikatnya tidak boleh didefinisikan kerana definisi secara khusus akan melanggar prinsip pascamodenisme itu sendiri. Pascamodenisme juga bermaksud tiada kebenaran yang mutlak. Kajian ini merumuskan bahawa era Pascamodenisme berkembang selepas era modenisme tetapi ia bukanlah kesinambungan daripada modenisme yang dilihat sebagai satu kegagalan oleh masyarakat Barat. Falsafah ini juga banyak berkembang dalam cabang-cabang yang lain termasuk bidang seni bina, sastera, realiti, falsafah dan pemikiran sosial. Antara tokoh-tokoh dari Barat yang mengembangkan idea pascamodenisme seperti Jean-Francois Lyotard, Jacques Derrida, Jean Baudrillard dan Michele Foucault. Idea-idea pascamodenisme ini kemudiannya berkembang dan turut mempengaruhi cara fikir masyarakat dan ia turut mempengaruhi bukan sahaja pemikiran masyarakat di Barat tetapi juga di Timur termasuk Malaysia.

Bagi mengenali pascamodenisme, ia boleh dikenali melalui ciri-cirinya. Salah satu ciri terpenting dalam pascamodenisme adalah menolak naratif agung. Akibatnya, ia akan memberi kesan kepada kebenaran dan autoriti. Ini berlaku apabila masyarakat mempunyai pemikiran yang relatif terhadap kebenaran. Mereka jua menganggap bahawa pihak autoriti bukan satu-satunya tempat untuk mencari kebenaran informasi, fakta dan ilmu. Sebagai contoh, salah seorang tokoh pascamodenisme, Michele Foucault yang menekankan teori '*regime of truth*' dengan menggambarkan kebenaran digunakan sebagai satu bentuk kekuasaan oleh pihak yang mempunyai kuasa atau autoriti (Chairul Basrun 2009).

Michele Foucault juga memberi terma konsep rejim kebenaran kerana beliau berhujah bahawa kebenaran itu berbeza mengikut kekuasaan masing-masing. Apabila disebut terma ‘rejim’, ia seringkali dikaitkan dengan politik. Jadi, kebenaran menurut Foucault adalah daripada kuasa politik yang telah mendefinisikan apa yang benar dan apa yang salah (Lorenzini 2015). Kajian ini berpendapat bahawa masalah yang difokuskan dalam era pascanormal seperti isu kerumitan, huru-hara, ketidakpastian, dan percanggahan telah bermula sejak era pascamodenisme. Era pascamodenisme juga di mana era bahawa masing-masing menganggap bahawa mereka mempunyai kebenaran dan menolak kebenaran yang diberikan oleh autoriti. Oleh yang demikian, kajian ini berpendapat bahawa masalah yang berlaku dalam teori pascanormal adalah sebuah lanjutan dari masalah pascamodenisme tetapi dilihat semakin rumit.

Kajian ini berpendapat bahawa perubahan dari konsep masyarakat Madani pada tahun 1990-an kepada Malaysia Madani pada masa kini juga berlaku akibat perbezaan latar belakang masyarakat dan isu masyarakat semasa. Sebagai contoh, pada era 1990-an, Malaysia memfokuskan kepada perkara yang berkaitan falsafah kemodenan seperti dalam aspek pembangunan ekonomi dan sosial. Walau bagaimanapun, pada masa kini lebih difokuskan kepada masalah yang berkaitan dengan pascamodenisme yang menjadi fokus pada masa kini yang akan dibincangkan dalam subtopik yang seterusnya.

Analisis Perkembangan Teori Pascanormal

Kajian ini beranggapan bahawa teori pascanormal amat penting difahami oleh kerana konsep ini beberapa kali disebutkan dalam objektif Malaysia Madani. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati perkataan pascanormal masih tiada dalam daftar Kamus Dewan. Secara literal, pascanormal adalah sesudah atau selepas kebiasaan. Terma ini juga masih asing dalam masyarakat di Malaysia. Walau bagaimanapun, kajian ini mendapati bahawa Perdana Menteri, Anwar Ibrahim banyak mengulang terma ini dalam kenyataan beliau sama ada dalam bentuk kenyataan ataupun wawancara di Malaysia atau antarabangsa.

Antaranya, apabila ditemu bual oleh *Cable News Network* (CNN), sebuah media antarabangsa yang berpangkalan di Amerika Syarikat, Anwar Ibrahim mengulangi kenyataan betapa pentingnya dunia berhadapan dengan dunia pascanormal. Menurut Anwar Ibrahim (2023);

Situasi pascanormal ini menjadi lebih teruk, sebagai contoh kemusnahan iklim, penghijrahan dan perang saudara yang tidak terjadi ketika saya di penjara. Jadi ia adalah cabaran baharu, termasuklah defisit demokrasi yang jelas di negara-negara membangun dan dalam dunia Islam.

Anwar Ibrahim juga menyeru supaya beberapa agensi kerajaan bersatu dalam Badan Pemikir Negara dalam kesiapsiagaan mengharungi keadaan dunia pascanormal ketika beliau berucap dalam Majlis Penganugerahan Felo Akademi Sains Malaysia dan Pengiktirafan *Top Research Scientists Malaysia* (TRSM) 2023. Dalam ucapannya, Anwar Ibrahim (2023) berkata;

Era pascanormal kini dipenuhi dengan unsur ketidaktentuan hasil daripada kompleksiti, pergolakan serta percanggahan. Perubahan berlaku dengan cepat searus dengan ledakan teknologi serta kemunculan krisis-krisis baru yang mengubah pandangan dunia. Kita tidak lagi boleh berdiam diri dalam rentak lama yang akan merencatkan pertumbuhan negara kita.

Sebelum perbincangan lanjut, kajian ini berpendapat bahawa kepentingan memahami teori pascanormal oleh kerana teori ini adalah sesuatu yang baharu khususnya dalam konteks masyarakat di Malaysia. Kajian ini berpendapat bahawa teori pascanormal mula diperkenalkan pada awal tahun 1990-an tetapi hanya berfokus terhadap bidang sains oleh Funtowicz dan Ravetz (1993) yang menggunakan terma pascanormal sains.

Walau bagaimanapun, pada peringkat awal, teori pascamoden memfokuskan kepada bidang sains tanpa dikaitkan dengan aspek sosial. Funtowicz dan Ravetz (1993) membincangkan berkenaan cara penyelesaian masalah bagi mendepani proses saintifik yang merangkumi pengurusan ketidakpastian yang tidak dapat dikurangkan dalam pengetahuan dan etika dan pengiktirafan kerumitan. Mereka juga menambah bahawa kita hidup di tengah-tengah ini peralihan menjadi sukar untuk meramalkan hasilnya. Manakala dari sudut teori dan falsafah yang lebih holistik berkenaan teori pascanormal, kajian ini mendapati ia banyak dikembangkan oleh Ziauddin Sardar, yang membincangkan berkenaan pascanormal tetapi masih mengekalkan pascanormal dengan sifat ketidakpastian dan menambah dengan beberapa ciri yang lain.

Teori pascanormal dalam aspek sosial telah dikembangkan oleh Ziauddin Sardar (2010) dalam sebuah syarahan pada 2009 di London. Dalam syarahan tersebut, beliau telah memfokuskan beberapa kata kunci penting bersama penjelasan bagaimana pascanormal. Menurut Ziauddin Sardar (2010), pascanormal tidak lagi terhad kepada bidang sains, tetapi turut memberi kesan kepada masyarakat secara keseluruhannya. Antara ciri-ciri pascanormal yang dinyatakan adalah kita berhadapan dengan perkara-perkara yang disebut sebagai *complexity* (kerumitan), *chaos* (huru-hara), *contradictions* (percanggahan) dan *uncertainty* (ketidakpastian). Oleh yang demikian, dalam mendepani dunia pascanormal, beliau menyebut bahawa negara dan masyarakat perlu kepada ciri-ciri yang *progress* (kemajuan), *modernisation* (pemodenan), *efficiency* (kecekapan), *virtues* (kebajikan) dan *imagination* (imaginasi).

Ziauddin Sardar (2015) juga memanjangkan mengenai teori pascanormal bagi menjawab kritikan terhadap teori pascanormal yang diujikan oleh beliau berserta dengan menjelaskan pembaharuan terhadap teori pascanormal sesuai dengan keadaan dan persekitaran sosial semasa. Beliau juga menambah bahawa era pascanormal sesuatu yang tidak dapat dielakkan atau dikawal oleh kita. Oleh yang demikian, bagi mendepani era pascanormal, kita perlu bermula dengan kesedaran, dan berakhir dengan kreativiti dan imaginasi. Kita juga tidak boleh mengelakkan bahawa masalah yang berkaitan antara satu sama lain perlu diselesaikan serentak. Dalam mengaplikasikan pascanormal dalam konsep Malaysia Madani, kajian ini berpendapat perlu dijelaskan beberapa masalah utama yang menjadi cabaran konsep Malaysia Madani yang dibawa pada masa kini.

‘Hormat’ Dalam Rukun Malaysia Madani

Dalam mendepani cabaran pascanormal, pihak kerajaan telah memperkenalkan konsep Malaysia Madani bagi mendepani pelbagai cabaran yang fokus utamanya adalah bagi mendepani cabaran pascanormal. Oleh yang demikian, kertas kerja ini akan memfokuskan terhadap salah satu cabaran yang difokuskan dalam rukun Madani iaitu ‘hormat’. Dalam buku karya ‘Membangun Negara Madani’, cabaran yang disebutkan dalam aspek percanggahan bahawa:

Percanggahan yang timbul dalam soal hormat telah meningkat dengan ketara beberapa tahun belakangan ini. Kita harus membangunkan strategi untuk menyangkal percanggahan daripada unsur politik luar, kepentingan peribadi, syarikat-syarikat besar dan multinasional, kemasyarakatan dan budaya, fahaman mazhab, serta pihak-pihak lain yang boleh menjejaskan dasar dan nilai hormat (Anwar Ibrahim 2023).

Hormat dalam konsep Malaysia Madani merujuk kepada perilaku budi bahasa mencerminkan kekayaan tradisi, merayakan kepelbagaian dan menghargai perbezaan pandangan hidup. Dalam bahasa Arab, pengertian hormat merujuk kepada maruah dan adab, yang meliputi budi bahasa, kesopanan, dan ketawadukan. Di samping itu, maksud hormat ini boleh diperluaskan kepada keberkesanan hormat yang terjalin apabila manusia saling mengamalkannya. Amalan hormat-menghormati di kalangan rakyat akan memperkukuh pemahaman antara satu sama lain serta mempereratkan persaudaraan di kalangan mereka (Anwar Ibrahim 2023).

Antara perkara yang perlu diaplikasikan konsep hormat antaranya dalam isu percanggahan pendapat. Apabila berlaku percanggahan pendapat sama ada dari sudut peribadi, politik, perbezaan agama dan budaya serta perbezaan mazhab dan pemikiran akhirnya membawa kepada isu hilang hormat terhadap Raja dan Sultan, pemerintah, pihak berkuasa, kumpulan mahupun sesama individu dan akhirnya membawa kepada

isu kekacauan. Antara sebab utama isu percanggahan ini yang membawa kepada hilang nilai hormat apabila berlakunya penyalahgunaan media sosial. Hal ini turut dibangkitkan juga apabila Anwar Ibrahim (2023) menyatakan:

Pertamanya, usaha yang gigih diperlukan untuk mengesan isu-isu baharu yang muncul dan menilai potensi kekacauannya. Menerusi pengurangan kerumitan yang tidak perlu yang boleh menimbulkan kekacauan, kita boleh membendung rasa tidak hormat dan ucapan tidak sopan dalam politik, tatakelola, pendidikan dan masyarakat. Kita juga harus terus meneliti dan memantau fenomena seperti media sosial, pempengaruh, realiti tv, budaya selebriti, kecerdasan buatan yang bersifat perkauman, serta berita palsu yang boleh mengakibatkan ketegangan tidak bermaruah di Malaysia. Kita juga harus menilai perkembangan kepelbagaian yang kompleks di Malaysia secara berterusan bagi menghalang berlakunya kekacauan yang boleh melumpuhkan perpaduan negara.

Cabaran Pascanormal: Percanggahan Pendapat

Antara salah satu cabaran yang terpenting dalam mendepani cabaran Pascanormal adalah isu berkenaan percanggahan pendapat. Percanggahan pendapat adalah sesuatu yang baik jika diraikan dengan baik. Walau bagaimanapun, pada era pascanormal kini, perbezaan pendapat diambil dari aspek yang negatif dan akhirnya membawa kepada perpecahan dalam masyarakat. Akibatnya akan membawa kepada kekacauan dalam masyarakat.

Jika pada era pascamerdeka Malaysia menguruskan kepelbagaian bangsa, budaya dan agama dalam masyarakat yang berbilang kaum, pada masa kini kerajaan perlu meneruskan kepelbagaian ini di samping juga perlu mengurus perbezaan pendapat masyarakat sesama masyarakat majoriti khususnya orang Melayu yang mempunyai perbezaan pendapat dalam isu-isu yang berkaitan Islam dan Melayu. Dari sudut yang positif, perbezaan pendapat dianggap merupakan satu rahmat dalam Islam.

Setiap masyarakat tidak mungkin akan mempunyai seratus peratus cara pemikiran yang sama. Walau bagaimanapun, dari sudut negatifnya pula, apabila individu atau kumpulan yang kuat berpegang kepada pemikiran yang dipegang, masing-masing boleh menimbulkan polemik antara satu sama lain. Malah, kesan yang lebih besar adalah perbalahan boleh menyebabkan perpecahan sesama masyarakat. Perbezaan pemikiran akan mewujudkan konflik dalam masyarakat. Konflik yang berlaku boleh menyebabkan perpecahan sekiranya tidak ditangani dengan baik. Ini adalah contoh keserentakan dalam menyelesaikan pelbagai isu secara sekali gus yang merupakan antara salah satu ciri era pascanormal.

Cabaran dalam mengurus cabaran ini adalah melalui menyalurkan informasi, fakta dan ilmu yang benar kepada masyarakat. Jika tidak dibendung akhirnya membawa kepada penghakisan autoriti kuasa, autoriti ilmu dan akhirnya perpecahan dalam masyarakat. Kajian ini mendapati bahawa kerajaan sedar akan hal ini khususnya apabila masyarakat didedahkan dengan maklumat yang tidak tepat, berita palsu dan ilmu-ilmu yang bercanggah dengan pegangan mazhab masyarakat di Malaysia. Bagi mendepani cabaran mendepani maklumat tidak tepat dan berita palsu, pihak kerajaan terus mengukuhkan kempen ‘*Tak Pasti Jangan Kongsi*’ melalui portal (sebenarnya.my) bagi masyarakat mendapatkan maklumat terus dari portal kerajaan bagi pengesahan sesuatu maklumat. Malah, kerajaan turut memperkasakan undang-undang berita palsu dan turut memperkenalkan segmen ‘*Biar Betul*’ di Radio Televisyen Malaysia (RTM) sebagai reaksi kepada berita dan maklumat palsu (Jabatan Penerangan Malaysia 2023).

Tindakan Mendepani Cabaran Pascanormal

Bagi mendepani cabaran dan polemik dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia, antara usaha yang dilakukan adalah dengan menambah baik tadbir urus pengurusan hal ehwal agama Islam di Malaysia dengan pemansuhan Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) yang telah ditetapkan pada 17 Oktober 1968 dan digantikan dengan Peraturan-Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia 2022. Dalam peruntukan ini juga, Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam merupakan nama baharu bagi menggantikan Jawatankuasa Fatwa sebagaimana yang termaktub dalam peraturan MKI 1968. Tindakan ini diambil bertujuan menambah baik, menyelaraskan dan menggalakkan keseragaman undang-undang atau pentadbiran atas kepentingan negara (Mahmud et. al. 2023).

Selain itu, bagi mengawal pelbagai isu hal ehwal agama Islam di Malaysia oleh kerana perbezaan pandangan juga mengelakkan perpecahan yang lebih besar dalam masyarakat Melayu Islam di Malaysia, kerajaan telah mengusulkan Rang Undang-Undang (RUU) Mufti Wilayah-Wilayah Persekutuan 2024 bagi memberi definisi dan takrifan *Ahli Sunnah Wal Jamaah* yang diguna pakai dari perspektif Malaysia. Bacaan pertama di Parlimen sudah dibentangkan pada 2 Julai 2024 oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama). Walau bagaimanapun, bagi bacaan kedua telah ditangguhkan bagi menerima pandangan pelbagai pihak berkenaan RUU tersebut (Parlimen 2024).

Dari tindakan kerajaan yang telah dibincangkan, jelaslah bahawa pihak kerajaan cuba mengaplikasikan konsep Malaysia Madani yang telah menjadi konsep kerajaan pada masa kini. Kerajaan mengambil sifat untuk sedar dan cakna terhadap masalah semasa yang berlaku dalam waktu yang serentak. Kerajaan mengambil tindakan bagi

mengawal masalah yang berlaku bagi mengelakkan berlaku kekacauan atau dalam isu ini perpecahan dalam kalangan masyarakat oleh kerana berita palsu atau maklumat tidak tepat dan juga bagi mengelakkan perpecahan akibat perbezaan pendapat khususnya dalam kalangan masyarakat Melayu Islam di Malaysia.

Kesan Terhadap Autoriti

Sekiranya cabaran yang telah dibincangkan tidak dikawal, antara kesan yang mungkin berlaku adalah dari sudut penghakisian autoriti. Apabila membincangkan mengenai autoriti kuasa, autoriti kuasa mengikut kebudayaan dan peradaban masyarakat Melayu terletak pada *ulil amri* iaitu seperti Sultan, Raja, dan pemerintah. Cabaran-cabaran yang telah dibincangkan boleh membawa kesan kepada autoriti dan boleh menjejaskan salah satu rukun Madani iaitu ‘Hormat’.

Sifat hormat adalah satu nilai yang sangat penting dan menjadi identiti masyarakat Malaysia sejak sekian lama. Sifat menerima maklumat tidak tepat dan berita palsu menyebabkan ada segelintir masyarakat lebih percaya berbanding maklumat yang diberikan oleh pihak yang lebih berautoriti. Lebih-lebih lagi apabila mereka menyebarkan fakta-fakta yang salah terhadap autoriti pemerintah yang akhirnya menghilangkan kepercayaan dan rasa hormat kepada pemimpin negara. Ini jelas bercanggah dengan fahaman dalam ajaran Islam berkenaan suruhan mentaati pemimpin:

Wahai orang-orang yang beriman, taatlah kamu kepada Allah dan taatlah kamu kepada Rasulullah dan kepada “*Ulil-Amri*” (pemimpin-pemimpin) dari kalangan kamu (al-Nisa’ 4: 59).

Penekanan terhadap mentaati dan menghormati pemimpin turut diperteguhkan melalui hadis yang menyebut bahawa perlunya mentaati pemimpin selagi mereka tidak menyuruh kepada kemaksiatan:

Wajib bagi setiap Muslim patuh dan taat (kepada pemimpin) pada apa yang dia suka dan dia benci, selagi mana dia tidak diperintah melakukan maksiat. Justeru apabila dia diperintah melakukan maksiat, maka tiada lagi kewajipan untuk patuh dan taat (Bukhari: 7144 & Muslim 1839).

Sebagai sebuah negara yang menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi, masyarakat Malaysia khususnya masyarakat Melayu Islam perlu mempertahankan autoriti kuasa dengan mempertahankan institusi Diraja sebagai tunjang kepada institusi Islam di Malaysia dan menghormati pemimpin meskipun berbeza pandangan. Bagi mengawal perpecahan masyarakat akibat cabaran-cabaran pascanormal semasa

yang dibincangkan, kajian ini ingin memberi saranan kepada beberapa pihak bagi mendepani ketidaktentuan era pascanormal dan demi menjayakan cita-cita Malaysia Madani.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, Malaysia Madani adalah sebuah konsep baharu yang telah diperkenalkan oleh Perdana Menteri Anwar Ibrahim. Meskipun idea Malaysia Madani adalah kesinambungan daripada idea masyarakat Madani yang turut diilhamkan oleh Anwar Ibrahim pada tahun 1990-an, idea ini dilihat masih relevan apabila disesuaikan dengan cabaran era masa kini. Cabaran masa kini yang dimaksudkan adalah berdepan dengan cabaran pascanormal yang dilihat mempunyai ciri-ciri tersendiri dan berbeza dengan era normal sebelum ini. Apabila berlaku perbezaan masa, cabarannya juga berubah apabila berlaku pelbagai masalah dalam waktu yang serentak. Antara cabaran terpenting pihak kerajaan bagi menjayakan konsep Malaysia Madani adalah dengan mengatasi cabarannya dan antara cabarannya adalah supaya masyarakat bersama-sama dengan pihak kerajaan dengan mempunyai nilai-nilai percaya dan hormat yang akhirnya akan membantu kerajaan berhadapan dengan cabaran-cabaran pascanormal yang lain.

RUJUKAN

- Abdullah Basmeih. 2001. *Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*. Cet. VII. Kuala Lumpur: Darulfikir.
- al-Attas, Syed Muhammad Naquib. 1997. Masyarakat Madani Malaysia: Satu Gagasan. Dlm. Institut Strategi Pembangunan Malaysia (pnvt.). *Masyarakat Madani: Satu Tinjauan Awal* [*“Madani Society in Malaysia: An Idea”, in Madani Society: A Preliminary Review*], hlm. 15-28. Ampang: Institut Strategi Pembangunan Malaysia.
- Anwar Ibrahim. 2023. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi*. Cetakan ke-2. Shah Alam: Institut Darul Ehsan.
- Anwar Ibrahim. 1995. Parliamentary debates. Ninth parliament. First Session. Third Meeting. 27th October. *House of Representatives*: 61-64.
- Anwar Ibrahim. 1997. Islam dan Pembentukan Masyarakat Madani: Syarahan Timbalan Perdana Menteri Malaysia di Festival Istiqlal Jakarta. Dlm. *Masyarakat Madani: Satu Tinjauan Awal* [*“Islam and the Formation of a Madani Society: Deputy Prime Minister’s Lecture at the Jakarta Istiqlal Festival”, in Madani Society: A Preliminary Review*], hlm. 7-13. Kuala Lumpur: Institut Strategi Pembangunan Malaysia.

- Anwar Ibrahim. 2022. *Script For a Better Malaysia: An Empowering Vision and Policy Framework for Action*. Shah Alam: Institut Darul Ehsan (IDE) and Centre for Postnormal Policy and Futures Studies.
- Anwar Ibrahim. 2022. *Membangun Negara Madani: Visi dan Kerangka Dasar Reformasi [Building a Madani State: The Vision and Framework of Reformation]*. Shah Alam: IDE Research Centre Sdn. Bhd and Centre for Postnormal Policy and Futures Studies.
- Aznan, A. H., Ridzuan, A. R., Amri, A. L. M. S., Hamim, M. A. F. M., Mustazar, M. A. D., Djuyandi, Y. & Zailani, M. H. Z. 2023. The level of effectiveness of unity government in Malaysia. *I-IECONS E-Proceedings* 10(1): 495-503. <https://doi.org/10.33102/iecons.v10i1.23>.
- Hamim, T. 2000. Islam dan civil society (masyarakat madani): Tinjauan tentang prinsip human rights, pluralism dan religious tolerance. Dlm. Ismail S.M. & Abdullah M.(pnvt.). *Pendidikan Islam, Demokratisasi dan Masyarakat Madani*. Yogyakarta: Pustaka Pelajar.
- Ibrahim Majdi Mohamad Kamil. 2024. Falsafah liberalisme kepada falsafah pascamodenisme di Malaysia: Satu kajian awal. *International Journal of World Civilizations and Philosophical Studies* 1(1): 26-41. <https://ejournal.usm.my/ijwcps/article/view/4817>.
- Jaafar, N. K. B. & Aziz, A. B. 2023. Epistemologi masyarakat madani dan masyarakat sivil: Mengenal pasti jurang penyelidikan melalui tinjauan literatur sistematik: *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*8(10): e002552-e002552.
- Jabatan Penerangan Malaysia. 2023. RTM Akan Terbitkan Segmen Khas Biar Betul Bermula 1 Oktober 2023. <https://www.penerangan.gov.my/rtm-akan-terbitkan-segmen-khas-biar-betul-bermula-1-oktober-2023/> [27 September 2023].
- Kamus Dewan. 2010. Cetakan ke-4. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Lorenzini, D. 2015. What is a ‘regime of truth’? *Le foucaldien* 1 (11): 1-5. Doi: 10.16995/lefou.2.
- M Chairul Basrun Umanailo. 2019. *Pemikiran Michel Foucault*. OSF Preprints. Doi:10.31219/osf.io/h59t3.
- Mahmud, Ahmad Tarmizi, Irwan Mohd Subri & Mohd Nasir Abdul Majid. 2023. Peraturan Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia 2022. *CFORSJ Procedia* 1 November, hlm. 83-93.

- Majlis Agama Islam Selangor. 2015. *Pasca Modenisme dan Kelangsungan Islam*. Shah Alam: Majlis Agama Islam Selangor.
- Mohd Faizal Musa. 2023. *The Evolution of Madani: How is 2.0 Different From 1.0?*. Singapore: ISEAS publishing.
- Osman Bakar. 1997. Agama dan budaya teras masyarakat madani. *Jurnal Usuluddin* 5: 1-10. <https://ejournal.um.edu.my/index.php/JUD/article/view/3154> [20 Ogos 2024].
- Parlimen. 2024. RUU Mufti (Wilayah-Wilayah Persekutuan). <https://www.parlimen.gov.my/bills-dewan-rakyat.html?uweb=dr> [13 Ogos 2024].
- Sardar, Ziauddin. 2010. Welcome to postnormal times. *Futures* 42 (5): 435-444. doi:10.1016/j.futures.2009.11.028.
- Sardar, Ziauddin. 2015. Postnormal times revisited. *Futures* 67: 26-39.
- Silvio O. Funtowicz, Jerome R. Ravetz. 1993. Science for the post-normal age. *Futures* 25 (7) :739-755.
- Tawfiq Yousef. 2017. Modernism, postmodernism, and metamodernism: A critique. *International Journal of Language and Literature* 5(1): 33-43.
- Zakaria Stapa. 2014. Revitalisasi proses peneguhan akidah dalam menghadapi cabaran pascamodenisme. *Ar-Raniry: International Journal of Islamic Studies* 1 (1): 1 - 40